

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

TAHUN 5. BIL. 12

BANDAR BRUNEI, 22 JUNE, 1960 (28 Zulhijjah, 1379)

PERCHUMA

DYMM BERANGKAT BALEK DARI BERCHUTI

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia telah berangkat balek ka-tanah ayer pada 16 June bersama Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri sa-telah berada di-Persekutuan Tanah Melayu semenjak 13 April lepas kerana berchuti.

Duli2 baginda itu telah berangkat balek dengan sa-buah kapal terbang khas sharikat Malayan Airways yang telah turun di-lapangan terbang Berakas pada pukul 1.25 tengah hari.

Ahli2 Jemaah Pemangku Raja yang telah menjalankan kewajipan2 Sultan sa-lama Duli Yang Maha Mulia berada di-luar negeri dan ahli2 majlis2 mesuarat telah mengambil tempat masing2 di-padang itu mengalu2kan baginda berangkat balek ka-tanah ayer.

Mengikut achara sambutan (Lihat muka 8)



Pembesar2 negeri menyambut Duli Yang Maha Mulia di-lapangan terbang Berakas.

Dari rombongan yang berlepas ka-Malaya pada 23 April itu putera2 sulong Duli2 baginda, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bol-kiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bol-kiah masih berada di-Persekutuan.

Duli2 Baginda telah meninggalkan Pengiran2 Muda itu di-Kuala Lumpur kerana melanjutkan pelajaran di-sabua sekolah di-sana.

Sa-belum kapal terbang sam-pai lebih 1,000 orang rakyat yang terdiri dari berbagai2 bangsa telah datang ka-lapangan terbang menunggu ketibaan baginda berdua.

Sa-baik sahaja dengong kapal terbang yang membawa Duli2 Baginda itu kedengaran ketua2 pejabat yang berhimpun di-bangunan lapangan terbang itu pun keluar ka-padang untuk menyambut Duli2 Baginda.

Mereka itu di-ketuai oleh Pemangku Pesuroh Jaya Tinggi, Yang Terutama Dato I. W. Belloch, Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jafar dan Duli2 Wazir.

PEMANGKU PESUROH JAYA TINGGI MULAI MENJALANKAN KEWAJIPAN

Pemangku Pesuroh Jaya Tinggi British bagi Brunei, Yang Terutama Dato I. W. Belloch telah menjalankan tugas jawatan-nya sa-baik sahaja Pesuroh Jaya Tinggi yang tetap Yang Terutama Tuan D. C. White berlepas dari Anduki pada 12 June Ka-Singapura dalam perjalanan ka-United Kingdom kerana berchuti panjang :—

Dato Belloch telah sampai di-Brunei sa-minggu terlebih dahulu.



Dato I. W. Belloch

Beliau ia-lah sa-orang bekas pegawai tinggi dalam perkhidmatan awam Malaya dan telah bersara sa-bagai Penasihat British bagi Negeri Perak yang akhir dalam tahun 1956.

Jawatan Penasihat British itu telah di-hapuskan mengikut perkembangan perlembagaan negeri2 Melayu yang di-rangka untuk menjadi perlembagaan negeri2 yang merdeka penoh.

Dato Belloch berumur 59 tahun telah berkhidmat di-Malaya lebih dari 30 tahun. Sa-bahagian besar dari masa itu telah dihabiskan-nya di-Perak.

Sa-bagai menghormati jasa-nya kapada Negeri Perak Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak telah mengurniakan beliau pingat bakti dan gelaran Dato.

Kerana jasa-nya kapada Commonwealth Dato Belloch telah di-kurniakan bintang C.M.G. oleh Baginda Queen.

WABAK POLIO SUDAH HAPUS

BANDAR BRUNEI.— Penyakit lumpoh yang telah wabak dalam beberapa bulan yang kebelakang ini antara kanak2 yang berumur kurang dari 10 tahun telah dapat di-hapuskan.

Penyakit itu tidak lagi menyerang sa-orang kanak2 pun sa-telah kanak2 yang ke-36 orang di-serang-nya lebih sa-bulan dahulu. Kematian tidak berlaku antara kanak2 itu.

Suatu badan yang telah di-bentuk untuk mencegah penyakit itu masih menjalankan usaha merawat dan mengubati kanak2 yang telah menjadi mangsa penyakit tersebut.

Kanak2 sekarang boleh di-biarkan berchampur gaul dengan orang ramai di-tempat2 perhimpunan, seperti panggong wayang, kolam bernang dan lain2.

Penyakit itu tidak mungkin wabak sa-mula.

Untuk mengikis penyakit itu dari negeri ini, pertim-bangan sedang di-beri kapada ranchangan memberi ubat suntik kapada kanak2 dalam garisan umur yang mudah di-serang oleh penyakit lumpoh.

Kunjongan pegawai kebudayaan

BANDAR BRUNEI.— Dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan Amerika Sharikat di-Saigon telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka ka-kawasan2 British di-Borneo.

Mereka ia-lah Puan Dorothy Whipple, pegawai kebudayaan jabatan tersebut.

Antara tempat2 yang mereka lawati ia-lah pusat perubatan di-Kampong Ayer.

Mereka itu telah juga melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Malam bahasa Melayu dapat sambutan baik

MURID2 CHINA MENDAPAT HADIAH

BANDAR BRUNEI. — Malam Bahasa Melayu oleh murid2 sekolah Menengah China, St. George's dan St. Andrew's dengan anjoran guru2 yang mengajar bahasa Melayu di-sekolah2 tersebut telah di-langsungkan di-dewan Civic Centre di-sini pada malam 10 June lepas.

Malam Bahasa Melayu itu merupakan pertunjukan aneka warna dengan acara2 peraduan sharahan, membaca sajak, membaca karangan, nyanyian dan pertunjukan lakonan2 dan tarian2 yang keseluruhannya menggunakan bahasa Melayu.

Anjoran yang julong2 kali diadakan itu ada-lah satu peringkat tindakan kerajaan menuju ke arah perkembangan bahasa Melayu sesuai dengan perlembagaan Negeri Brunei.

Inche' Umar bin Muhammad, Pengelola Kelas Dewasa dan Ba-

tat kala merasmikan Malam Bahasa Melayu itu telah menegaskan bahawa langkah yang seperti ini ada-lah satu langkah yang harus diberi pujian kerana ketegasan dalam mengambil tindakan yang chergas menggalakkan pemakaian bahasa Melayu sa-bagai



Isteri Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara menyampaikan hadiah.

hasa Melayu di-sekolah2 China dan Misi telah berkata dalam majlis tersebut bahawa langkah yang demikian ini ia-lah satu langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu pada penduduk2 Negeri Brunei terutama bangsa2 asing.

"Saya berharap dengan ada-nya langkah yang pertama ini akan ada lagi langkah2 yang lain untuk perkembangan bahasa Melayu menuju perkembangan-nya sesuai dengan kehendak perlembagaan", tegas beliau.

Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara

Sukan terbuka anjoran BAAA

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan sukan terbuka di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic di-Padang Pekan Brunei pada hari Ahad lepas.

Pada hari itu juga telah di-langsungkan pertandingan sukan bagi Daerah Kuala Belait dan Seria di-Padang Shell Recreation Club, Seria.

Pertandingan sukan untuk merebutkan gelaran2 johan seluruh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club, Seria pada hari Ahad 3 July hadapan.

bahasa rasmi itu.

"Ada kemungkinan tidak bera- pa lama lagi kerajaan akan menganjurkan Minggu Bahasa Kebangsaan sa-bagaimana yang telah di-buat di-Malaya dahulu", ujar beliau.

Inche Idris telah juga menyatakan harapan-nya bahawa langkah yang pertama menurut peringkat-nya ini akan ada lain2 lagi akan menjelma di-Brunei supaya menggalakkan pemakaian bahasa Melayu.

Yang menarik perhatian para penuntut ia-lah kebanyakan peserta2 itu boleh menuturkan bahasa Melayu dengan fasih dan lancar walau pun langkah ini julong2 kali di-adakan.

Keputusan peraduan2 yang di-adakan pada Malam Bahasa Melayu itu :

Peraduan membaca Sajak (Bahagian lelaki): 1. Yeo Tiong Huat, 2. Lim Yeong Tu dan 3. Ang Kuang Teng (semua-nya dari sekolah Menengah China).

Peraduan membaca Sajak (Bahagian perempuan): 1. Ang Chui Yean, 2. Lim Ai Ming (Kedua-nya dari Sekolah Menengah China) dan 3. Annie Jiew (Dari Sekolah St. George's).

Peraduan Nyanyian (Bahagian lelaki): 1. Barnard Loh (Dari Sekolah St. George's), 2. Sun

Seng Lee dan 3. Hwang Ming Chung (Kedua-nya dari Sekolah Menengah China).

Peraduan Nyanyi (Bahagian perempuan): 1. Edna Chong (Dari Sekolah St. Andrew's), 2. Koh Bee Moy dan 3. Koh Bee Lian (Kedua-nya dari Sekolah Menengah China).

Peraduan Karangan: 1. Ang Kuang Teng, 2. Lim Tiong Sin (Kedua-nya dari Sekolah Menengah China) dan 3. Chin Yat Lin (Dari Sekolah St. George's).

Peraduan Membaca: 1. Chua Kee Hing (Dari Sekolah Menengah China), 2. Yann Mei (Dari Sekolah St. Andrew's) dan 3. Koh Bee Moy (Dari Sekolah Menengah China).

Peraduan Sharahan: 1. Ang Kuan Teng, 2. Yeo Tiong Huat dan 3. Lim Eng Joo (Semua-nya dari Sekolah Menengah China).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara.

Kejayaan guru2 agama

BANDAR BRUNEI. — Dua belas dari sembilan belas orang guru2 pelatoh sekolah2 agama seluruh Brunei telah lulus dalam peperiksaan agama.

Peperiksaan itu telah di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan di-Sultan Omar Ali Saifuddin College pada 14 dan 15 May, 1960.

Guru2 pelatoh yang lulus dalam peperiksaan tersebut ia-lah seperti berikut:

Haji Abdullah bin Penglima Raja, Haji Abdul Rahman bin Awang Hassan, Murshidi bin Abdullah, Ahmad bin Haji Muhiiddin, Yusof bin Shahbudin, Mohamed Zubaidi bin Haji Mohamed Yassin, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman, Awang Jambol bin Mohamed Daud, Haji Omar bin Penglima Raja, Abdul Hamid bin Haji Parali, Haji Ahmad bin Awang Hassan dan Awangku Mohamed Salleh bin Pengiran Damit.

PEMINAT2 BAHASA MELAYU ADAKAN MALAM GEMBIRA DI-DEWAN SOAS

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengadakan satu temasha malam gembira yang meriah di-dewan S.O.A.S. College baharu2 ini.

Acara tersebut di-langsungkan sa-bagai menyambut Hari Raya Haji. Antara ramai hadirin di-temasha itu termasuklah beberapa orang pembesar tempatan.

Sa-lain dari pelajar2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, beberapa orang pelajar dari Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Perempuan Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mengambil bahagian di-temasha tersebut.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam berbagai pertandingan yang di-langsungkan di-temasha Malam Gembira itu di-sampaikan oleh Puan Naemah Yusof.

Persatuan pekerja2

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Persekutuan Pekerja-Melayu Pejabat Perubatan Brunei, nama ringkas-nya MLMA telah di-luluskan oleh Kerajaan baharu2 ini.

Pegawai2 MLMA pada tahun ini ia-lah:

Penaung, Doktor Abdul Wahab Ariff; Penasihat, Shaik Osman bin Shaik Hanif; Yang Dipertua, Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin; Timbalan Yang Dipertua, Inche Basuini bin Ja'afar; Setia Usaha, Pengiran Mohamed Said bin Pengiran Abu Bakar; Timbalan Setia Usaha, Inche Mohamed Taib bin Abdul Latif dan 10 orang ahli jawatan kuasa.

Lima ahli majlis meshuarat memerhati sidang parlemen

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan yang terdiri dari 5 orang ahli Majlis Meshuarat Negeri dan sa-orang jurutulis meshuarat, Inche Taib bin Awang Besar telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 18 June kerana memerhatikan chara2 parlemen bermeshuarat.

Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri itu ia-lah: Yang Berhormat Inche Md. Jamil bin Umar, Yang Berhormat Inche Md. Hashim bin Tahir, Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Salleh, Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Muhammad dan Yang Berhormat Pengiran Jadid

bin Pengiran Nasaruddin.

Sa-lain dari memerhatikan persidangan parlemen rombongan itu juga akan memerhatikan perkembangan2 kemajuan Persekutuan Tanah Melayu.

Rombongan itu di-jadualkan balek ka-Brunei pada awal bulan hadapan.

Perusahaan menternak ayam sesuai di-kampong

BANDAR BRUNEI. — Perusahaan menternak ayam adalah satu perusahaan yang memberi keuntungan besar jika di-jalankan mengikut peraturan. Ayam itu perlu di-jaga dan di-kawal dari di-serang oleh penyakit.

Mulai keluaran ini Pelita Brunei akan memuatkan renchana mengenai perusahaan menternak ayam itek yang telah di-susun oleh Pejabat Tanaman, Brunei.

Perkembangan perusahaan menternak ayam ada-lah di-sebabkan oleh telur-nya sangat2 di-perlukan dan juga daging-nya yang menjadi bahan2 yang penting dalam makanan manusia.

Telur ia-lah satu benda yang istimewa kerana ia mempunyai zat protein yang sangat senang hazam-nya, zat2 galian dan vitamin. Oleh yang demikian telur dan daging ayam itu ada-lah bernilai dan telah di-akui sebagai unsur2 yang mustahak dalam bekalan makanan bagi sa-suatu negara.

Ternakan itu mengandungi segala unggas yang berguna kepada manusia, seperti ayam, itek, angsa, ayam piru, ayam mutiara dan merpati.

Ahli2 ilmu pengetahuan alam sekarang bersetuju dengan pendapat bahawa ayam hutan yang berwarna merah atau "galas bankara" itu ia-lah asal ayam yang di-ternak pada hari ini.

Kesukatan menyabong ayam pula telah membawa kepada pertunjukan ayam dan kerana telur dan daging-nya sangat2 di-kehendaki, maka jadi-lah perkembangan ternakan berbagai2 jenis ayam yang telah berkembang di-sana sini itu.

Sungguh pun telur dan daging ayam sangat di-gemari di-Brunei dan harga-nya pun mahal, akan tetapi ayam tidak berapa banyak di-pelihara dan telur-nya tidak berapa banyak di-dapati. Orang2 yang memelihara ayam itu pula ramai yang telah tidak berjaya dalam usaha-nya oleh kerana mereka itu tidak menyedari sebab2 yang sa-benar-nya yang menggagalkan perusahaan mereka.

Sebab2 kegagalan itu ada-lah lah seperti berikut:—

- ◆ Kebanyakan orang2 yang memelihara ayam itek di-Brunei tidak mengambil berat dalam usaha menternak.
- ◆ Orang2 kampong yang memelihara ayam itu membiarkan ayam-nya menchari makan dan hidup bagitu sahaja.
- ◆ Kebanyakan orang2 yang memelihara ayam sa-chara sam-bilan itu maseh mengikut chara lama pada menyediakan reban, makanan dan pemeliharaan.
- ◆ Tidak mahu atau tidak mengindahkan pemberian ubat suntak, ubat chaching dan lain2 ubat pada masa ayam sakit.
- ◆ Binatang2 seperti ular, biawak, musang, lang dan ku-

ching yang telah menjadi liar dan jahat ada-lah menyebabkan kematian yang banyak antara ayam itek.

Sa-lain dari itu penyakit sampar selalu berlaku dan ini ada-lah satu sebab yang burok yang menghalang perkembangan perusahaan menternak ayam.

Sa-bahagian besar dari ayam2 itu mati pada tiap2 tahun, ia-itu kejadian yang menimbulkan kerugian besar kepada orang2 yang memelihara-nya.

Kebanyakan penyakit itu boleh di-ubati dan ayam itek itu boleh di-selamatkan jika tuan2 punya memberi tahu akan kejadian penyakit. Dengan jalan bagini kerugian yang besar akan dapat di-elakkan dan mereka itu tidak akan rugi.

Sa-lain dari sebab2 yang diterangkan di-atas, hawa yang lembab, tempat2 yang sempit, makanan yang telah busok, reban yang kurang baik, kawasan yang kotor dan hama selalu menyebabkan ayam itu sakit.

Penyakit yang kerap kali menyebabkan ayam itu pupus ia-lah:

- (a) Penyakit sampar,
- (b) Chachar ayam, dan
- (c) Penyakit chaching.

Tetapi ayam boleh di-kawal oleh satu jenis ubat suntak yang baik dari di-serang oleh dua jenis penyakit yang tersebut dan oleh satu jenis ubat lain dari di-serang oleh penyakit yang ketiga.

Oleh yang demikian tiap2 orang yang memelihara ayam hendak-lah mengambil kesempatan dari ubat2 itu dan menjaga ayam-nya dari di-serang oleh penyakit2 yang telah di-ketahui ubat kawalan-nya.

Kebanyakan orang mengetahui akan peluang2 keemasan yang di-dapati dari menternak ayam itek tetapi sedikit sahaja antara mereka itu yang telah menchapai kejayaan yang baik hasil-nya.

Ini ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan pengetahuan dan pengalaman tentang perkara2 yang praktik.

Perusahaan menternak ayam itu hendak-lah di-mulakan sa-chara berdikit2 dan di-besarkan dengan perlahan2 mengikut pengalaman dan pengetahuan yang di-dapati.

Orang2 perempuan adalah sangat sesuai menjalankan perusahaan ini. Mereka itu boleh menjaga ayam itek kerana mereka itu mempunyai masa kelapangan untuk menjaga makanan dan membersekan reban dan kawasan. (Bersambung)

INGGERIS SEDIA MEMBERI KEBEBASAN

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi yang tetap, Tuan D. C. White ada-lah diberitakan telah berkata di-Kuala Lumpur baharu2 ini bahawa Kerajaan Inggeris sedia memberi kemerdekaan kepada daerah2 jajahan-nya di-Kalimantan jika ra'ayat di-kawasan2 itu sanggup menerima-nya.

Tuan White telah tiba di-Kuala Lumpur untuk menemui Duli Yang Maha Mulia sa-belum pulang ka-United Kingdom kerana berchuti.

Duli Yang Maha pada masa itu berada di-Persekutuan kerana berchuti.

Tuan White berkata: "Belum ada gerakan dalam kawasan2 Inggeris di-Kalimantan untuk menuntut kemerdekaan.

"Saya yakin bahawa Kerajaan Baginda Queen tidak akan keberatan untuk menyerahkan kemerdekaan kawasan di-Kalimantan itu jika ra'ayat-nya menghendaki kemerdekaan itu."


Tatkala mengulas tentang adanya tuntutan2 dari "beberapa pehak yang tertentu" supaya Brunei, Sabah dan Sarawak di-satukan, Tuan White berkata.

"Jika ketiga2 daerah itu hendak di-satukan, terserah-lah kepada Sultan Brunei dan ra'ayat daerah2 tersebut untuk memutuskan-nya.

Harga dagangan minggu ini

BANDAR BRUNEI — Harga dagangan yang telah di-tetapkan oleh Pejabat Kastam bagi minggu ini ada-lah seperti berikut:

Lada puteh \$234.48 sa-pikul; lada hitam \$176.48 sa-pikul; buah kawang \$47.09 sa-pikul dan getah para, \$1.25 $\frac{1}{2}$ sa-paun.



Ahli2 Majlis Pemangku Raja menerima tabak kehormatan bersama Pesuruh Jaya Tinggi, Yang Terutama Tuan D. C. White.



Hari jadi Baginda Queen telah di-sambut di-Brunei dengan mengadakan istiadat Polis, Pengakap dan lain2 pasukan sukarela di-Bandar Brunei dan Kuala Belait. ia-lah kanak2 sekolah laki2 dan perempuan.

BRUNEI ADA SATU SEKOLAH SAHAJA 40 TAHUN DAHULU

Pada masa saya mula2 sampai di-Brunei sa-bagai British Resident hampir 40 tahun dahulu, hasil negeri itu sangat sedikit dan keadaan, umum-nya, sangat mundur.

Pada masa itu hanya ada sa-buah kenderaan yang menggunakan lereng di-Bandar Brunei ia-itu sa-buah becha yang dipunyai oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jalan raya tiada, rumah sakit pun tidak ada dan ada hanya sa-buah sekolah Melayu yang kecil sahaja.

Jumlah penduduk2 dalam seluruh negeri hanya-lah 25,000 orang lebih kurang dan kebanyakan dari mereka itu tinggal di-Bandar Brunei. Kuala Belait ia-lah sa-buah kampung nelayan yang kecil dengan kira2 sa-dozen buah rumah atap ditebing sungai.

JALAN PERHUBONGAN

Jalan perhubungan di-dalam negeri ia-lah sungai2 dan jalan2 tiga kaki (kebanyakannya semak dengan tumbuh2an) dan ka-luar negeri pula dengan kapal2 kecil dan juga dengan wireless ka-Labuan. Ada-lah jelas bahawa Brunei ia-lah antara negeri2 yang sedikit bilangannya dalam dunia yang mendapat radio terlebih dahulu dari motokar.

Pada zaman itu Brunei tidak mempunyai angkatan kapal2 kecil yang di-gerakkan oleh jentera seperti hari ini dan surat2 dari dunia luar di-bawa masuk oleh kapal "MacArthur" yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri2 Selat atau oleh salah sa-buah dari kapal2 sharikat Island Trading sa-telah kapal dari Singapura sampai di-Labuan, biasa-nya tiap2 10 hari sa-kali.

Duli Yang Maha Mulia Sultan baharu sahaja pindah dari Kampong Ayer katang darat dan dua orang wazir baginda pindah ka-darat tidak lama sa-lepas itu.

BANGUNAN ISTANA

Istana baginda ia-lah sa-buah bangunan yang burok jika dibandingkan dengan keadaan bangunan2 yang moden hari ini dan tidak shak lagi kemangkatan baginda pada masa berusia 35 tahun telah di-sebabkan besar oleh pengiring2 baginda tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan2 baharu kerana tiada sungai untuk memberi kemudahan2 sa-mula jadi bagi kebersehan.

Pada masa baginda hendak mangkat saya hadir bersama Pegawai perubatan dari Labuan dan kami berdua sangat sedih melihat keadaan di-sekeliling baginda sa-masa baginda hidup.

Majlis Meshuarat Negeri yang Duli Yang Maha Mulia

Renchana di-bawah ini telah di-petek dari "Suloh Brunei" bilangan 1, ia-itu majallah Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom dan telah diterjemahkan ka-bahasa Melayu dari bahasa Inggeris.

Penulis-nya, Tuan E.E.F. Pretty, sa-orang bekas British Resident Brunei, sekarang berkhidmat sa-bagai wakil Kerajaan Brunei di-London.

Renchana ini menggambarkan keadaan di-Negeri Brunei sa-masa beliau berkhidmat di-Brunei 40 tahun dahulu.

menjadi pengerusi-nya itu biasa-nya bersidang di-Lapau yang tidak jauh dari situ dan sa-belum meshuarat di-jalankan orang2 jawat dari Istana lazimnya membawa dian2 besar dalam kaki2 dian besar daripada gangsa yang di-buat di-Brunei. Dian2 itu di-letakkan dekat Duli Yang Maha Mulia, Wazir2 dan British Resident.

Dian2 istiadat itu di-buat daripada lilin lebah dan bermacam2 pula besar-nya mengikut taraf kebesaran orang yang di-hormati. Dian Sultan ia-lah 4 kaki tinggi-nya lebih kurang dan 10 hingga 12 inchi besar bulatan-nya.

PERHIASAN DIAN

Perhiasan dian itu ada-lah satu perkara yang mesti di-adakan pada tiap2 kali saya datang mengadap Duli Yang Maha Mulia atau pada -masa Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Residency. Adat ini yang harus telah bermula beberapa kurun dahulu nampak-nya telah mansoh sekarang.

Lagi satu adat pada masa meshuarat ia-lah menghisap rokok daun atau sigup Brunei yang 15 inchi lebih kurang panjang-nya dan di-buat daripada tembakau tempatan dan digulong dengan daun nipah. Sigup itu sangat keras rasa-nya bagi orang2 Eropah. Asap rokok dan panas dian yang berhampiran itu menimbulkan perasaan hendak muntah yang kerap kali di-dapati jika orang2 itu lemah perut-nya.

Dalam seluruh negeri hanya ada 10 orang Eropah. Mereka itu ia-lah sa-lain dari saya, ketua polis, jurutera wireless (satu2-nya pegawai kerajaan), pengurus dan penolong pengurus bagi kilang I.T.C. Cutch di-Subok dan empat orang pengurus ladang getah Eropah di-Kumbang Pasang, Gadong, Labu dan Batu Apoi.

PERGAULAN SOSIAL

Ada sa-buah kelab kecil di-Subok dan sa-buah kelab lainnya, untuk kegunaan pegawai2 kerajaan di-bandar, tetapi pergaulan sosial sangat kurang dan

sudah sa-memang-nya wayang gambar tidak ada.

Dengan hasil hanya berjumlah £20,000 (\$170,000) (berbandingan dengan £15 juta hari ini (\$130,000,000) sangat susah hendak menentukan mana satu ranchangan kemajuan hendak di-lancarkan, tetapi saya telah menimbangkan bahawa sa-batang jalan raya ada-lah sangat mustahak dan bagitulah Jalan Tutong sekarang ini mula-nya di-bena.

Jalan itu hanya-lah daripada tanah sahaja pada masa itu, tetapi boleh di-lalui oleh kereta pada bila2 masa dan memakan belanja sa-banyak £3,500 (\$30,000) lebih kurang dalam pembenaan perengkat pertama.

Ranchangan jalan itu juga memerlukan pembenaan sa-buah jambatan di-Sungai Kedayan. Jambatan kayu yang pertama 480 kaki panjang, 16 kaki lebar dan memakan belanja lebih dari £10,000 (\$85,000) itu baharu sahaja di-ganti dengan Jambatan Edinburgh yang ada sekarang.

JURUTERA NEGARA

Dan di-sini saya suka mengucapkan tahniah kepada sa-orang tua, yang saya gembira mendengar maseh hidup lagi ia-itu Dato Awang bin Haji Hanafi, jurutera negara (tidak rasmi) yang pertama yang sa-orang diri-nya telah berusaha melaksanakan kerja2 itu dengan perbelanjaan yang bagitu sedikit sa-kali.

Pembukaan Jalan Tutong itu (suatu kerja yang sa-benar-nya mengeluarkan "darah, peloh dan ayer mata") telah menukar sama sa-kali keadaan perjalanan ka-sudut barat negeri yang dahulu-nya memerlukan berjalan kaki sa-kurang2-nya 60 batu jarak-nya dari Brunei ka-Tutong dan sa-lepas itu melalui pantai ka-Kuala Belait, tetapi kereta telah membawa sa-sa-orang itu ka-Tutong dalam masa satu jam dan dari situ menunggang basikal sa-lama kira2 empat jam.

Yang demikian masa telah

banyak dapat di-selamatkan. Sa-lain dari anggota seperti kaki dan tangan terselamat dari "kerosakan dan keletehan", tidak perlu lagi bagi sa-orang itu tidak datang ka-pejabat sa-lama sa-minggu kerana melawat ka-kawasan barat negeri.

Seria dan kawasan padang minyak sekarang hanya-lah kosong sahaja melainkan satu kawasan paya dan hutan yang menyedihkan pemandangan.

Sadikit sa-banyak kesah pembenaan Jalan Tutong itu boleh di-dapati di-bawah tajuk "Virtue" dalam sa-buah buku karangan Somerset Maugham yang bernama First Person Singular.

Tuan Maugham telah melawat ka-Brunei dalam tahun 1924 dan tinggal bersama saya sa-lama sa-minggu lebih kurang.

MENGALAMI RIBUT

Sa-masa dia di-sana, kami telah mengalami satu kejadian hujan ribut tropika yang dahsyat sa-kali yang pernah berlaku. Tidak kurang dari 11 $\frac{1}{2}$ inchi hujan telah turun dalam masa 4 $\frac{1}{2}$ jam dan 17 buah jambatan telah di-hanyutkan ayer termasuk jambatan di-Sungai Kianggeh dan yang demikian telah memutuskan Subok dan Residency dari kawasan bandar.

Tuan Maugham dan saya berada di-Subok Club pada masa hujan mula turun dan kami tidak dapat balek ka-rumah hendak makan sa-hingga tengah malam.

Berikutan dengan apa yang telah berlaku kami bernasib baik dapat balek ka-rumah, kerana beberapa bahagian jalan telah di-hanyutkan ayer dan akhir-nya kami mendapat khabar bahawa sa-ekor buaya besar telah di-lihat di-jalan itu oleh sa-orang pegawai kastam yang merunda tidak lama sa-lepas kami melalui jalan tersebut.

Harus juga saya menyatakan bahawa ini berlaku tidak lama sa-lepas penchetakan buku Tuan Maugham yang di-namakan "Rain" (Hujan).

Pada masa itu Resident dalam kuasa kehakiman-nya mempunyai kuasa hidup dan mati dan saya teringat lagi bahawa saya telah menjalankan tugas yang tidak nyaman menjatuhkan hukum membunuh ka-atas tiga orang pembunuh.

HUKUM GANTONG

Dua orang daripada mereka (kedua2-nya orang Tutong) telah di-gantong mengikut peraturan tetapi yang ketiga, sa-orang Sikh 6 kaki tinggi-nya telah berjaya melepaskan diri dari penjara dengan merenggangkan dan (satu perkara yang

(Lihat muka 5)


Tiga penduduk Brunei dapat kurnia hari jadi

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penduduk Brunei telah di-kurniakan bintang2 kehormatan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Qucen Elizabeth pada hari jadi baginda baharu2 ini.

Beliau2 itu ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Capt. Awang bin Dollah dari Jabatan Laut, Brunei dan Tuan Reginald Sung dari Sharikat Minyak Shell di-Seria.

Dato Paduka Haji Ibrahim telah di-kurniakan gelaran Commander of the British Empire (C.B.E.); Captain Awang bin Dollah pingat British Empire Medal (B.E.M.); dan Tuan

lu, mulai sa-bagai sa-orang kelasi kapal, Captain Awang telah memandu kapal2 masuk ka-Sungei Brunei sa-banyak 317 kali.



Kiri: Dato Paduka Haji Ibrahim, kanan: Inche Awang.

Reginald Sung, Officer of the Order of the British Empire (O.B.E.).

Dato Paduka Haji Ibrahim terlebih dahulu menjadi Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia dan memegang beberapa jawatan yang kanan dalam perkhidmatan kerajaan.

Captain Awang bin Dollah pada masa ini berkhidmat sa-bagai Marine Assistant di-Pejabat Laut, Brunei.

Semenjak berkhidmat dengan jabatan tersebut 27 tahun dahu-

Kapal yang besar sa-kali yang pernah di-pandu-nya masuk ka-Sungei Brunei ia-lah "Sze Feng" yang berat-nya 2,877 ton.

Captain Awang telah juga memandu masuk ka-Sungei Brunei kapal2 perang H.M.S. Alert dan beberapa buah kapal perang Angkatan Laut Diraja



Tuan R. Sung

PERADUAN MENGARANG — BAYARAN DARI \$30 HINGGA \$100 LEBEH

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Penerangan Brunei menawarkan bayaran dari \$30 hingga \$100 atau lebih kapada penulis2 cerita pendek yang berunsorkan sejarah, kebudayaan, kesenian, adat dan keperchayaan orang2 Brunei.

Hadih itu akan di-bayar atas satu2 cerita yang diterima untok di-jilid dan di-chetak bagi di-jadikan buku bacaan umum kelak.

Peraduan mengarang itu terbuka kapada orang dewasa dan murid2 sekolah di-seluruh negeri. Lain2 syarat ada-lah saperti berikut:

◆ Tiap2 cerita hendak-lah tidak kurang dari 1,500 perkataan panjang-nya dalam bahasa Melayu, Rumi atau Jawi yang di-tulis dengan jarak langkah dua baris sama ada di-taip atau di-tulis dengan tangan.

◆ Tiap2 penulis di-benarkan menulis beberapa buah karangan yang ia suka.

◆ Cerita2 yang di-bayar itu akan menjadi hak kerajaan.

Karangan2 itu hendak-lah di-hantar kapada:
Pegawai Penerangan Negara,
Pejabat Penerangan,
Bandar Brunei.

Persekutuan Tanah Melayu dan kapal2 perang Angkatan Laut Diraja India.

Tuan Reginald Sung sedang berkhidmat sa-bagai sa-orang jurutera dengan sharikat minyak Shell di-Seria.

Beliau telah berkhidmat dengan sharikat minyak Shell semenjak tahun 1928.

Beliau itu telah mengambil bahagian dalam beberapa kerja kebajikan saperti perkhidmatan kaum dan pertubohan panjang merah.

Wakil lembaga bantuan teknik

BANDAR BRUNEI. — Wakil Lembaga Bantuan Teknik Bangsa2 Bersatu bagi kawasan Timor Jauh, Sir Alexander MacFarquhar telah melawat ka-Brunei dalam bulan ini.

Beliau telah mengadakan runtingan dengan pegawai2 yang berkenaan tentang bantuan teknikal kapada Brunei daripada Bangsa2 Bersatu.

SOKONGAN KAPADA DERMA KEBAJIKAN

BANDAR BRUNEI. — Satu rayuan untok mendapatkan sokongan kapada ranchangan penubohan derma "Edwina Mountbatten Trust" telah di-terima oleh Pejabat Pesuruh Jaya British di-Brunei daripada pengerusi derma itu, Lord Monckton.

Derma itu ia-lah sa-bagai kenangan kapada jasa mendiang Countess Mounbatten yang telah mengorbankan masa-nya dalam lapangan kebajikan di-seluruh dunia.

Antara pertubohan2 kebajikan yang akan mendapat bantuan daripada derma itu kelak ia-lah St. John Ambulance Brigade, gerakan Selamatkan Kanak2 dan pertubohan Jururawat.

Rayuan itu telah mendapat persetujuan Menteri Besar Brunei.

SEMANGAT PERANTAUAN LEBEH MASA DAHULU DARI SEKARANG

(Dari muka 4)

susah hendak diperchayai) mengasak badan-nya keluar dari chelah lantai papan biasa.

Ini berlaku kira2 pada pukul 8 malam dan malam itu adalah satu malam yang tidak menyenangkan hati saya kerana saya tentu-lah berfikir bahawa ia akan datang ka-Residency (hanya sa-tengah batu sahaja lebeh kurang jauh-nya dari penjara) dan menchuba melepaskan dendam-nya.

Oleh yang demikian saya telah berjaga dengan berbagai2 senjata yang ada pada saya, tetapi ia langsung tidak datang. Orang itu bebas sa-lama seminggu lebeh kurang dan akhirnya telah ditembak mati oleh polis di-suatu hutan bakau di-Sungei Limbang, tetapi tidaklah sa-belum orang itu telah melakukan satu pembunuhan lain.

Pada masa saya baharu2 datang, sa-belum jalan raya dibena, saya lazim-nya pergi ka-pejabat tiap2 hari melalui sungai dengan menggunakan perahu atau sa-buah motobot kecil, 24 kaki panjang-nya.

MENEMPOH BAHAYA

Dengan motobot ini-lah pada suatu hari saya telah belayar menempoh bahaya ka-Labuan dengan ketua polis, McAfee. Pelayaran itu mengambil masa enam jam lebeh tetapi untong-nya kami tidak ditimpa ribut dalam Telok Brunei yang di-kenal dengan nama "Telok Halilintar dan Ki-

lat" dalam peta2 pejabat laut pada masa dahulu.

Keadaan hidup pada masa itu nampak-nya lebeh penoh dengan semangat perantauan dari sekarang dan saya maseh ingat akan satu pengembaraan sengit ka-Tutong bersama Dato Awang dan jurutera wireless, Philip George. Kami menchuba menchari rintisan jalan baharu melalui paya Menglaut dan pada satu tempat hanya leher dan kepala saya sahaja kelihatan dalam ayer.

JAMBATAN ROBOH

Tidak lama kemudian sa-buah jambatan yang sedang saya titi pula roboh; saya nyaris tersepit, dan akhir sa-kali sambil hendak menyelamatkan diri dari terkaman beberapa ekor kerbau saya telah jatuh ka-dalam pasir hanyut atau tanah rawa tetapi saya sempat di-tarek keluar oleh tukang masak saya.

Pada malam-nya pula kami telah sesat jalan, tetapi akhirnya telah sampai ka-anak sungai Tutong di-mana kami dapati dua buah perahu yang telah di-tinggalkan. Malang-nya tiada pengayoh-nya dan kami terpaksa membuat pengayoh daripada pelepah nipah dan lama kelamaan sampai-lah di-Tutong pada pukul 10 malam sa-telah berada di-jalan semenjak pukul 6 pagi.

Itu semua tidak shak lagi ada-lah zaman yang penoh dengan kenang2an yang baik yang mengembirakan sa-orang yang telah bersara.

Latehan guru2 Melayu di-jalankan di-maktab Berakas

SATU dari dasar2 Kerajaan Brunei ia-lah memberi pendidikan yang baik dengan sa-berapa boleh kepada penduduk2 di-negeri ini. Dasar itu memerlukan guru2 yang mengajar di-sekolah2 Brunei hendak-lah orang2 yang terlatih.

Untuk melaksanakan dasar tersebut, ramai guru2 pelatih laki2 dan perempuan dari sekolah2 Melayu dan juga juga penuntut2 yang berjaya dalam peperiksaan Senior Cambridge di-hantar keluar negeri untuk belajar di-maktab2 latehan guru2.

Pada masa sekarang kira2 ratusan orang guru2 pelatih dari sekolah2 Melayu seluruh Brunei sedang belajar di-maktab2 tersebut.

Di-antara mereka itu ia-lah delapan orang perempuan yang telah di-pilih dari seluruh negeri untuk memasoki Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas.

Pengetua Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei itu ia-lah Tuan James Pearce, bekas Pengetua Sultan Idris Training College di-Tanjong Malim, Perak.

UBAT UNTUK MENJAUHI SAMPAR

BANDAR BRUNEI.—Penyakit sampar ada-lah di-katakan telah sampai musimnya dan telah membunuh beberapa ekor ayam di-kampung2. Untuk menjauhi penyakit itu ayam hendaklah di-beri ubat suntik.

Sudah-kah tuan2 memberi ubat suntik itu kepada ayam tuan? Jika tidak tuan2 akan rugi kerana ayam itu akan mati di-serang oleh penyakit itu.

Tuan2 ada-lah di-minta berhubung dengan pegawai2 tanaman di-daerah tua2 untuk mendapatkan nasihat dan penerangan yang lebih lanjut tentang betapa mustahak-nya ayam tuan2 di-suntik dengan segera.

Perchubaaan chuka getah Maclai

KILANAS.—Sa-jenis chuka getah bernama "Maclai" telah di-chuba oleh Pejabat Pertanian Brunei dan di-dapati baik untuk membuat getah keping yang tinggi mutu-nya.

Dengan memakai ubat Maclai untuk membekukan getah, kata satu siaran Pejabat Pertanian, pekebun2 getah tidak payah lagi menggunakan rumah asap untuk mengeringkan getah.

Chuka getah Maclai itu hendak-lah di-gunakan mengikut peraturan2 yang telah di-jalankan oleh pejabat itu di-pusat perchubaaan tanam2an Kilanas.

Chara2-nya akan di-terangkan oleh pegawai2 tanaman jika di-kehendaki.

Tuan Pearce di-bantu oleh enam orang guru laki2. Empat orang daripada-nya ia-lah lepasan Maktab Latehan Guru2 di-Kirkby, sa-orang dari Sultan Idris Training College dan sa-orang dari Maktab Bahasa di-Malaya.

Pelajar2 perempuan itu ia-lah Siti Alam binti Mohamed Noor, Normah binti Ali Hassan, Zaidah binti Omar, Dayangku Maimunah binti Pengiran Salim, Dayangku Masurai binti Pengiran Idris, Ramni binti Saruji, Asmah binti Haji Kahar dan Maisalamah binti Mohamed Daud.

Siti Alam berumur 16 tahun ia-lah murid tua Sekolah Melayu Tanjong Maya, Daerah Tutong.

Sa-belum belajar di-maktab tersebut ia menjadi guru pelatih di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Normah berumur 16 tahun mulai belajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Kemudian ia menjadi guru pelatih di-Sekolah itu.

Zaidah berumur 17 tahun, ia-lah bekas murid Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Sa-bagaimana Normah, Zaidah juga menjadi guru pelatih di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin sa-belum di-pilih untuk belajar di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Dayangku Maimunah di-lahirkan 17 tahun dahulu ia-lah mu-



Penuntut2 perempuan di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei bergambar ramai.

rid tua Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Sa-lepas lulus dalam peperiksaan di-sekolah itu, Dayangku Maimunah mengajar di-Sekolah Melayu Sinaut, Daerah Tutong.

Dayangku Masurai kini berumur 16 tahun, ia-lah bekas penuntut Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Sa-belum di-pilih untuk berlatih di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Dayangku Masurai menjadi guru pelatih di-Sekolah Melayu Mohamad Alam, Seria.

Ramni berumur 17 tahun. Ia mulai belajar di-Sekolah Melayu Labi, Daerah Kuala Belait.

Tidak berapa lama sa-lepas lulus peperiksaan-nya, Ramni di-pilih menjadi guru pelatih di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Asmah berumur 19 tahun ia-lah bekas penuntut Sekolah Melayu Lumapas, Daerah Brunei.

Ia mulai mengajar sa-bagai sa-orang guru pelatih di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah sa-

belum belajar di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Maisalamah sa-orang lagi pelajar di-maktab tersebut, berumur 17 tahun. Ia ia-lah bekas penuntut Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan telah menjadi guru pelatih di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

990 kerja kosong di-Brunei


BANDAR BRUNEI.—Sa-banyak 990 kerja dari 68 jenis ada-lah di-umumkan kosong di-negeri ini. Antara jenis2 Kerja kosong itu ia-lah tukang tanam kawat, penureh getah, tandil, tukang besi dan nelayan. Majikan2 yang berkehendakkan pekerja2 itu terdiri dari pejabat2 kerajaan, bank2, sharikat2 perniagaan dan pemborong2 Melayu, China dan lain2 bangsa.

Kerja2 itu kebanyakan bergaji hari—\$4 sehari lebih kurang. Sate-ngah2 majikan menyediakan rumah tempat tinggal.

Pesuruh Jaya Buroh Brunei, Yang Berhormat Tuan D.B. Petherick berkata hanya kira2 90 orang sahaja yang telah mendaftarkan nama sa-bagai menganggor.

Antara mereka itu pula ramai yang telah bekerja mengikut peraturan mendaftar nama pada awal tiap2 bulan yang telah berjalan semenjak tiga bulan dahulu.

Bilangan orang2 yang betul2 tidak bekerja pada masa ini ia-lah 20 di-Bandar Brunei dan 27 di-Kuala Belait/Seria.



Sa-orang pegawai perhubungan awam sharikat minyak Shell Mesir di-Kahirah, Tuan Mohamed Naguib, telah berkunjung ka-Bandar Brunei dalam minggu lepas untuk menyampaikan khabar penuntut2 Brunei di-Kahirah. Tuan Naguib telah bertemu ramah dengan saudara2 penuntut2 itu di-rumah tumpangan kerajaan.

Pertemuan itu telah di-hadiri oleh Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud. Penuntut2 itu di-katakan sedang giat belajar.

Tuan Naguib yang pada masa ini menjadi tetamu sharikat minyak Brunei Shell di-Seria di-jangka balek ka-Mesir pada 20 August hapadani.

17 REKOD BAHARU DALAM SUKAN MURID2

SERIA. — Tujoh belas rekod yang baharu telah dapat diatasi dalam pertandingan sukan antara murid2 sekolah seluruh Negeri Brunei baharu2 ini.

Pertandingan sukan itu telah di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club, Setia pada hari Ahad 12 June di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association.

Pertandingan sukan itu telah di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club, Setia pada hari Ahad 12 June di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association.

Empat orang yang berjaya dalam perlawanan2 di-Seria dan di-Bandar Brunei telah di-pilih masuk bertanding dalam pertandingan akhir di-Seria pada 12 June.

Dalam pertandingan akhir di-Seria sa-banyak enam belas pasukan telah mengambil bahagian. Sembilan pasukan dari Daerah Belait dan Setia dan tujoh pasukan dari Daerah Brunei.

Semua-nya dua puluh tujoh jenis perlawanan telah di-pertandingkan dan kebanyakan dari pemain2 itu telah berlawan dengan bersungguh2.

Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji telah menyampaikan hadiah kepada peserta2 yang berjaya.


Hadiah khas untuk murid yang baik sa-kali dalam bahagian murid2 yang terhad umur-nya telah di-menangi oleh Bujang Ali dari Sekolah Saint Michael, Setia.

Clare Sibidol dari Sekolah Convent Saint Angela telah memenangi hadiah untuk peserta

Sharikat Minyak Shell, Setia yang telah memenangi piala perak Ong Kim Kee, Yang Dipertua Brunei Amateur Athletic Association, selama dua tahun yang lepas, telah sa-kali lagi dapat memenangi piala tersebut sa-bagai johan pasukan, bahagian laki2.

Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah berhasil merebut piala perak Friends.

Sekolah perempuan Saint Angela's Convent telah sa-kali lagi dapat memenangi piala perak Lallie Ahern sa-bagai pasukan yang baik sa-kali antara murid2 perempuan.



Clare Sibidol

Sekolah Telisai adakan tablo untuk menyambut hari ibu bapa

TELISAI. — Sekolah Melayu Tumpuan Telisai telah mengadakan sambutan hari ibu bapa sekolah itu kali yang ke-tiga belas dengan sa-chara besar2an pada awal bulan ini.

Sambutan itu di-mulai pada malam 2 June dengan mengadakan peraduan2 bacaan koran, bang, kamat, shair, sharahan agama dan menghafas.

Sa-lain dari itu murid2 darjah satu dan dua telah mempersembahkan satu lakunan "Tablo" bertajuk Tiang Ujama yang sangat menarik hati antara kalangan para hadirin.

Pada hari Jumaat 3 June telah diadakan temasha pertunjukan barang2 perbuatan murid2 dan orang2 kampung di-ikuti oleh temasha sukan.

Pada malam itu pula telah di-langsungkan temasha Malam Aneka Warna mengandungi lakunan dan tarian oleh murid2 sekolah, serta peraduan2 nyanyian

lagu2 baharu dan asli dan juga peraduan penchak silat.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penghulu Kampong Tumpuan Telisai, Dato Ismail Damit.

Hari ibu bapa di-Belait

KUALA BELAIT. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait akan mengadakan berbagai acara menyambut hari ibu bapa sekolah itu mulai pada 24 June.

Sekolah Melayu Muhammad Alam, Setia pula akan mengadakan sambutan hari ibu bapa-nya mulai pada 30 June.

KEDUDOKAN PASOKAN2 DALAM LEAGUE HOKEY—SPORTS CLUB KA-ATAS

BANDAR BRUNEI. — Brunei Sports Club telah mendapat mata yang tinggi sa-kali, dalam pertandingan hokey Bandar Brunei bahagian pertama hingga ka-pertengahan bulan ini.

Dalam bahagian kedua pula mata yang tinggi sa-kali di-perolehi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Keputusan penoh pertandingan hokey bahagian pertama ia-lah seperti berikut :—

26 pertandingan

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 26 pertandingan telah di-jalankan di-sini pada hari Ahad lepas untuk memilih pertandingan2 yang akan mengambil bahagian dalam sukan tahunan di-Seria.

Sambongan rangka undang2 persatuan

BANDAR BRUNEI. — Di-bawah ini ia-lah sambongan kepada rangka perlembagaan Persatuan Tinju Amateur Brunei yang akan di-tubuhkan itu:

Peratoran berkenaan dengan pertandingan, perlawanan dan kejohanan.

1. Dalam semua pertandingan dan perlawanan, ukuran pentas yang di-pagar dengan tiga utas tali itu hendaklah tidak kurang dari 12 dan tidak lebih dari 16 persegi kaki. Tinggi-nya dari lantai pentas ka-tali yang atas sa-kali hendaklah tidak kurang dari 4 kaki atau lebih dari 5 kaki. Dua penjurur yang bertentangan hendaklah di-tandakan dengan warna hijau dan merah.

2. Sarong tangan hendaklah mengikut berat yang di-tetapkan ia-itu 8 oz. kechuali yang di-benarkan untuk perlawanan dalam bahagian junior. Kain pemalut (bandage) tangan atau pergelangan tangan tidak lebih dari 6 kaki panjang dan 3 inci lebar.

3. Baju dan seluar pendek hendaklah di-pakai dengan bengkok yang berwarna, sama ada merah atau hijau pada pinggang.

4. Rantai, chinchin, perhiasan atau tangkal tidak di-benarkan di-pakai.

5. Dalam perlawanan kejohanan petanding2 hendaklah berumur sa-kurang2-nya 16 tahun. (Bersambong).

Latehan daripada pakar

SERIA. — Jurulateh sukan Amerika, Tom Rosandich, akan sampai di-Bandar Brunei pada 27 June ini untuk memberi latehan kepada ahli2 permainan di-bandar itu.


Rosandich akan mengadakan kelas2 latehan pada pagi dan petang hari sa-hingga 29 June.

Masa dan tempat latehan itu akan di-jalankan akan di-beri tahu kepada setiausaha2 kelab2 permainan kelak.

Sa-lepas itu Rosandich akan berkunjung ka-Seria untuk memberi latehan kepada ahli2 permainan di-daerah Belait/Setia.

Tom Rosandich pernah melawat ka-Brunei dahulu. Lawatan-nya yang akan datang ini ia-lah lawatan yang ketiga ka-negeri ini.

Lawatan Rosandich itu di-anjorkan oleh Pejabat Negara Amerika Sharikat.



William Yeo

perempuan yang baik sa-kali dalam temasha sukan tersebut.

Pasokan Sekolah Pertukangan

BOLA SEPAK HARI JADI

KUALA BELAIT. — Pasokan champoran Setia dan Kuala Belait telah seri dua gol berbalas 2 dengan Bandar Brunei dalam satu perlawanan bola sepak di-Padang Kuala Belait pada malam 11 June.

Perlawanan itu di-adakan sa-chara persahabatan kerana menyambut Hari Jadi Baginda Queen dan di-saksikan oleh ramai peminat permainan bola sepak.

Kedua pasokan telah bermain sama chergas sa-panjang masa dan penjaga2 gol pasokan2 itu telah menyelamatkan beberapa bola yang merbahaya

Ura2 Malaya supaya dasar warna kulit hapus

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman, yang telah kembali ka-Malaya telah menerangkan satu rancangan untuk menjemput seluruh dunia bersatu dengan Malaya menentang dasar perbezaan warna kulit.

Tengku akan menulis kepada semua negara di-dalam Pertubuhan Bangsa2 Bersatu termasuk Afrika Selatan dan meminta chadangan2 daripada mereka untuk menamatkan sikap membeza2 warna kulit.

Tengku juga telah menyatakan bahawa Malaya akan menyokong kemasokan China Komunis ka-dalam Bangsa2 Bersatu.

Tatkala Tengku masuk ka-Residency di-mana persidangan akhbar di-adakan, Tengku telah ternampak kepada pemberita2 akhbar dan terus berseru dengan riang: "Selamat petang, mari kita minum."

Tengku berkata bahawa satu hasil dari apa yang telah terjadi di-persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth, ia-lah Parlemen Sweden meluluskan satu shor untuk memulau barang2 Afrika Selatan.

Kerajaan Belanda juga telah menyesali atas sikap perbezaan warna kulit ini. Dan juga banyak lagi negara2 yang lain di-Eropah yang tldak bersetuju atas sikap perbezaan warna kulit ini.

Segala tindakan yang Tengku berchadang hendak mengambil terhadap Afrika Selatan tidak akan terbatas kepada negara2

Asia dan Afrika sahaja.

"Saya akan berhubung dengan tiap2 ahli Bangsa2 Bersatu dan meminta mereka memberi chadangan bagaimana kita harus menyelesaikan perkara ini," kata Tengku.

"Kalau kita bertindak, maka ia-nya mesti-lah memberi kesan."

Mencheritakan kesah pendirian-nya menentang dasar perbezaan warna kulit di-persidangan Perdana2 Menteri Common-

wealth Tengku berkata, "Di-antara beribu2 surat yang saya telah terima, chuma dua sahaja yang menyuruh saya keluar dari England."

Surat2 yang Tengku berchadang hendak menulis ia-lah surat2 sa-chara peribadi kepada semua Perdana2 Menteri.

Tengku telah berkata bahawa pertikaian atas kapal-terbang U-2 itu bukan-lah sebab2 yang menggagalkan persidangan kemunchak itu.

Tengku perchaya bahawa China Komunis-lah yang berdiri di-belakang kegagalan tersebut.

Malaya, kata Tengku, akan menyokong kemasokan China Komunis ka-dalam Bangsa2 Bersatu. Tetapi, Tengku menambah: "Kita tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan-nya."

50 MATI AKIBAT RIBUT TYPHOON DI-HONGKONG

HONG KONG. — Lima puluh orang telah mati dan 11 orang telah hilang di-dalam mala petaka ribut typhoon yang bergelar "Mary" yang telah memukul Hong Kong pada awal minggu lepas. Dua belas orang telah chedera parah.

Lebeh dari 18,000 orang telah kehilangan rumah tangga.

Kerosakan harta benda ada-lah di-jangka akan berjumlah berjuta2 ringgit dan kechelakaan yang di-nasbahkan kepada penderitaan maanusia tidak-lah dapat di-perikan.

Angin ribut itu telah menghentam tepat ka-atas tanah jajahan itu dengan menchabutkan pokok2 dan menaborkan kacha dan sampah sarap di-jalan2 raya.

Hujan lebat dengan angin salaju 120 batu sa-jam telah menjadikan jalan2 raya yang churam ka-bukit2 Pulau Hong Kong itu berupa anak2 sungai.

Lebeh dari 14 inci hujan telah turun dalam masa 24 jam.

Semua jalan2 raya yang besar di-tanah jajahan ini telah ter-

galang dan perhubungan talepon telah putus di-banyak-tempat.

Beberapa buah tongkang telah hilang dalam ribut itu. Enam buah kapal telah putus dari tempat berlaboh-nya dan dua daripada-nya telah terkandas di-pantai. Tetapi semua kelasi kapal2 itu di-perchayai selamat.

RA'AYAT KERUMUNI BAGINDA DALAM BANGUNAN LAPANGAN

(Dari muka 1)

yang telah di-atorkan, Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah di-junjong menaiki kenderaan Diraja sa-telah bersalaman dengan isteri2 wazir dan isteri2 ketua pejabat yang menunggu ketibaan baginda.

Kenderaan Diraja itu telah menunggu di-padang tidak jauh dari tempat kapal terbang berhenti.

Baginda telah di-junjong menaiki kenderaan itu bersama putera2 dan puteri2 yang telah berangkat balek sementara Duli Yang Maha Mulia bertemu ramah dengan ra'ayat yang telah datang ka-lapangan terbang.

Baginda telah bersalaman dan bertanya khabar dengan mereka sa-orang lepas sa-orang.

Oleh sebab ramai ra'ayat yang telah mengerumuni baginda di-sapanjang ruangan jalan bangunan lapangan itu baginda telah mengambil masa lebeh sa-tengah jam melangkah dari pintu ka-padang hingga ka-pintu ka-jalan raya di-mana Duli

PRESIDEN AMERIKA TANGGOH LAWATAN

TOKYO — Dua buah pertubuhan Jepun yang khas-nya bertanggonng jawab atas penanggoan kunjungan Presiden Eisenhower ka-Jepun telah meneruskan gerakan mereka untuk menjatuhkan Perdana Menteri Jepun, Tuan Nobusuke Kishi.

Kebanyakan orang2 Jepun berasa bahawa Tuan Kishi mesti-lah bertanggonng jawab atas kedudukan sekarang dan penanggoan kunjungan Tuan Eisenhower yang di-sifatkan sebagai satu pukulan hebat kepada nama baik Jepun di-muka antara bangsa.

Tetapi surat2 khabar Jepun berpendapat bahawa beliau akan menchuba memegang kuasa sa-hingga Perjanjian Keselamatan yang kumpulan2 pehak kiri telah menentang, di-luluskan oleh parlemen, dan sa-telah itu beliau harus akan meletakkan jawatan-nya.

Di-Washington kedua2 belah pehak ia-itu kerajaan dan pehak pembangkang telah bersama2 bersetuju bahawa President Eisenhower telah bertindak dengan sa-chara bijak atas penerimaan penanggoan kunjungan-nya ka-Tokyo.

17,000 Sikh menuntut penubohan Negara Sikh

NEW DELHI. — Lebeh 1,000 orang telah di-tangkap di-sini dalam minggu lepas berikutan dengan satu tunjok perasaan yang besar yang pernah berlaku di-India semenjak 10 tahun yang lalu.

Sa-ramai 17,000 orang Sikh telah berhimpun di-luar sa-buah kuil Sikh yang besar sa-kali di-ibu kota India menuntut supaya sa-buah negara Punjab di-ujudkan.

Dalam pertemporan2 yang berlaku dalam tunjok perasaan itu kira2 175 orang telah chedera termasuk 80 orang Polis. Sa-orang Sikh berumur 40 tahun telah mati di-hospital.

Untuk menyuraikan perhimpunan itu Polis telah menggunakan belantan2 yang berhujung besi dan gas pemedeh mata telah juga di-gunakan kerana perusoh2 itu melakukan kekerasan dan tidak mengindahkan amaran supaya bersurai yang telah di-beri beberapa kali.

Tenaga buroh Malaya makin bertambah

KUALA LUMPUR. — Dua orang pakar Bank Dunia, Tuan H. Bacham dan Tuan John A. Edelman berpendapat bahawa masa'alah besar dalam rancangan lima tahun Kerjaan Persekutuan yang kedua ia-lah kegunaan tenaga buroh yang makin bertambah itu.

Jumlah kaum buroh di-Malaya akan bertambah sa-jumlah 400,000 orang pada tahun 1965.

Mereka menyatakan bahawa kerajaan kelak menghadapi tugas yang besar tetapi tidak diselenggarakan untuk mengadakan nafkah kepada tenaga buroh yang bertambah itu.

Bantuan atom dari Amerika

JAKARTA. — Amerika Sharikat dan Indonesia telah bersetuju untuk bekerjasama dalam penggunaan tenaga atom bagi keamanan demikian mengikut satu perjanjian yang telah di-tandatangani di-Jabatan Negara Amerika.

Mengikut perjanjian itu Amerika Sharikat bersetuju membantu Indonesia dalam rancangan penyediaan tenaga atom yang akan di-adakan di-Maktab Teknik Bandung.

Amerika Sharikat harus akan memberi kepada Indonesia sa-jumlah uranium yang terhad untuk menjalankan kilang tenaga atom itu.